



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 6 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	HASIDAH GESA WANITA LAKUKAN SARINGAN AWAL KANSER PAYUDARA		POSITIF
	https://suarasarawak.my/hasidah-gesa-wanita-lakukan-saringan-awal-kanser-payudara/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.sarawaktribune.com/women-reminded-to-prioritise-early-breast-cancer-checks/	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	https://suarasarawak.my/kempen-kanser-payudara-kukuhkan-semangat-juang-wanita-sarawak/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	1,167 OKU BERDAFTAR DI BAHAGIAN BETONG		POSITIF
	https://suarasarawak.my/1167-oku-berdaftar-di-bahagian-betong/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KOPERASI WANITA PERLU LONJAK PENCAPAIAN PEROLEHAN - EWON		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2474947	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/koperasi-wanita-perlu-lonjak-pencapaian-perolehan-ewon-541472	ASTROAWANI.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/hanya-33-koperasi-wanita-di-sabah-catat-pendapatan-rm1-3-juta/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/05/koperasi-wanita-perlu-lonjak-prestasi-pencapaian-ewon	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/05/koperasi-wanita-perlu-tingkat-sumbangan-kepada-ekonomi-negara/	TVSARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	USAHAWAN WANITA SEMAKIN MENONJOL, TAPI CABARAN MASIH BERBAKI		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2025/10/1454375/usahawan-wanita-semakin-menonjol-tapi-cabaran-masih-berbaki	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SEGERA TANGANI CABARAN DIHADAPI WARGA EMAS - LEE LAM THYE		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/segera-tangani-cabaran-dihadapi-warga-emas-lee-lam-thye-541498	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2475000	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/lee-lam-thye-urges-urgent-action-for-malaysia-s-elderly-challenges-OH15035856	THESUN.MY	
	https://www.nst.com.my/opinion/letters/2025/10/1287732/national-senior-citizen-day-calls-action-and-respect	NST.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/opinion/113656/urgent-action-needed-to-tackle-challenges-facing-malysias-elderly-urges-lee-lam-thye	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PEKERJA INAP DESA DIPENJARA 6 BULAN, 'SKODENG' USAHAWAN WANITA MANDI		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1454451/pekerja-inap-desa-dipenjara-6-bulan-skodeng-usahawan-wanita-mandi	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/750992/berita/semasa/padah-intai-wanita-mandi-pekerja-inap-desa-dipenjara-enam-bulan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/pekerja-inap-desa-dipenjara-enam-bulan-skodeng-usahawan-wanita-mandi/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/buruh-dipenjara-enam-bulan-ceroboh-inap-desa,-intai-usahawan-wanita-mandi	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1271805/pekerja-inap-desa-intai-usahawan-wanita-mandi-dihukum-penjara	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2474944	BERNAMA.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/05/buruh-intai-usahawan-wanita-mandi-dipenjara-enam-bulan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/05/labourer-jailed-6-months-for-peeping-at-woman-entrepreneur-in-bathroom	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/05/worker-jailed-six-months-for-trespassing-and-peeping-on-woman-entrepreneur	THESTAR.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/113646/peeping-tom-homestay-worker-jailed-for-six-months-for-peeking-on-woman-in-shower	THEVIBES.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/worker-jailed-six-months-for-trespassing-and-peeping-on-woman-entrepreneur-EH15034725	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	CUCU KERABAT DAKWA DICEKIK, DIPUKUL SUAMI PENAGIH		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/05/cucu-kerabat-dakwa-dicekik-dipukul-suami-penagih/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/750990/berita/semasa/lelaki-warga-mesir-direman-4-hari-disyaki-cekik-ugut-bunuh-isteri	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/05/cucu-kerabat-dicekik-diugut-suami-ketagih-dadah/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://beautifulnara.com/cucu-kerabat-diraja-diugut-bunuh-dicekik-suami-penagih-warga-mesir/	BEAUTIFULNARA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hasidah (kanan) dan Hilmy (kiri) melepaskan belon sebagai simbolik pelancaran Bulan Kesedaran Kanser Payudara di sini, hari ini. FOTO: RAMIDI SUBARI

Hasidah gesa wanita lakukan saringan awal kanser payudara

KUCHING: Usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya kanser payudara terus diperkasakan menerusi penganjuran Bulan Kesedaran Kanser Payudara yang dilancarkan bersempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan), Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali berkata kempen tahunan ini satu seruan penting agar wanita lebih peka terhadap kepentingan pemeriksaan awal.



KENANGAN... Hasidah dan Hilmy bersama-sama merakam gambar dengan bekas pesakit kanser payudara di sini, hari ini. FOTO: RAMIDI SUBARI

"Menerusi inisiatif daripada Persatuan Kumpulan Sokongan Pink Ribbon, wanita dapat melakukan saringan awal.

"Ini kerana kanser payudara hanya dapat dikesan melalui saringan, kesedaran diri dan pemeriksaan sendiri. Pengesanan awal adalah rawatan terbaik bagi kanser," katanya pada Majlis Pelancaran Bulan Kesedaran Kanser Payudara di sini, hari ini.

Tambah beliau, sokongan daripada agensi seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) memberi peluang kepada wanita untuk mengambil langkah positif dalam menjaga kesihatan diri.

"Menerusi perkhidmatan pemeriksaan dan saringan yang ditawarkan, wanita yang tidak pernah menjalani sebarang pemeriksaan dapat mengambil langkah pertama untuk menjaga kesihatan diri.

"Selain itu, kerjasama berterusan daripada Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dalam menganjurkan program kesedaran ini sejak tiga tahun lalu," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berharap kerjasama ini dapat diteruskan bersama lebih banyak agensi agar kesedaran tentang kepentingan pemeriksaan awal payudara dapat dipertingkatkan.

"Persatuan Kumpulan Sokongan Pink Ribbon adalah badan bukan kerajaan yang disifatkan sebagai lambang kekuatan dan ketabahan golongan wanita dalam menghadapi cabaran kanser payudara.

"Kejayaan persatuan ini termasuk menubuhkan pusat aktiviti khas untuk pesakit dan bekas pesakit kanser payudara menjadi bukti bahawa sokongan moral amat penting dalam proses pemulihan," jelasnya.

Menjelas lanjut, beliau berharap agar pembinaan Hospital Kanser khas Sarawak dapat direalisasikan dalam masa terdekat.

"Ini bagi memastikan pesakit di negeri ini mendapat akses rawatan dan penjagaan kesihatan yang lebih menyeluruh.

"Kita mahu melihat hospital onkologi khusus dibina di Sarawak supaya semua pesakit kanser dapat menikmati rawatan yang terbaik," tegasnya.

Beliau turut menyeru agar usaha memperjuangkan penubuhan hospital tersebut diteruskan sebagai tanda keprihatinan terhadap kesejahteraan rakyat negeri ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MOHAMAD serta tetamu bergambar kenangan bersama-sama individu istimewa yang diraikan pada Sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Betong 2025 di Pentas Utama Sri Kalaka, hari ini.

1,167 OKU berdaftar di Bahagian Betong

SARATOK: Kira-kira 30 jenis faedah tersedia untuk orang kelainan upaya (OKU) harus dimanfaatkan golongan itu bagi memastikan mereka tidak terasa terpinggir.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Kalaka, Mohamad Duri menyeru mana-mana keluarga yang mempunyai ahli keluarga dalam kalangan golongan istimewa ini agar mendaftarkan mereka dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sehingga Disember 2024 terdapat 736,607 OKU berdaftar di Malaysia di bawah tujuh kategori ketidakupayaan berdasarkan janaan Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU).

"Bagi Bahagian Betong, seramai 1167 orang OKU telah didaftar sejak 2020 hingga Oktober 2025 melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Betong dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Saratok.

"Sehubungan itu saya berharap mana-mana keluarga yang ada anak OKU, namun belum didaftarkan, maka daftarkan mereka dengan JKJ.

"Ini bagi memastikan keperluan mereka dapat dibantu kerana terdapat 30 kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta," katanya merasmikan Sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Betong 2025 di Pentas Utama Sri Kalaka, hari ini.

Jelasnya, golongan OKU merupakan kelompok istimewa yang memerlukan perhatian masyarakat.

Sambutan penuh meriah itu diisi dengan aktiviti senamrobik pimpinan Spach Fitness, mencari harta karun Treasure For Smile, di samping pertandingan mewarna, karaoke, kelas bahasa isyarat dan pameran oleh agensi dan pertubuhan bukan kerajaan.

Turut diselitkan penyampaian sumbangan kerusi roda kepada tiga penerima, selain penyampaian kad OKU.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Koperasi Wanita Perlu Lonjak Pencapaian Perolehan – Ewon

🕒 05/10/2025 04:00 PM



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick (empat, kiri) bergambar bersama para penerima Geran Bantuan Pembangunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada Majlis Penutupan Seminar Kepimpinan dan Keusahawanan Koperasi Wanita Sabah hari ini.

KOTA KINABALU, 5 Okt (Bernama) -- Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick mahu semua koperasi wanita khususnya di Sabah melonjakkan prestasi pencapaian perolehan mereka.

Beliau berkata setakat ini, terdapat 250 koperasi wanita berdaftar di seluruh negara melibatkan pencapaian perolehan RM16.2 juta, dengan di Sabah, 33 koperasi wanita merekodkan pencapaian perolehan RM1.3 juta.

"Pencapaian perolehan bagi koperasi wanita di negeri ini sangat minimum berbanding lebih 1,900 koperasi di Sabah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutupan Seminar Kepimpinan dan Keusahawanan Koperasi Wanita di sini hari ini.

Turut hadir Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia Datuk Mohd Ali Mansor dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia Noor Afifah Abdul Razak.

Sehubungan itu, Ewon berkata penganjuran seminar berkenaan di Sabah untuk kali pertama merupakan antara usaha membantu melonjakkan prestasi koperasi wanita di negeri tersebut.

Seminar itu juga langkah awal untuk membantu koperasi terlibat supaya dapat menyampaikan maklumat pelbagai agensi selain memberi motivasi dan galakan kepada koperasi wanita.

Terdahulu, Ewon semasa berucap berkata penganjuran seminar untuk wanita itu dapat memberi galakan kepada warga koperasi dan usahawan wanita untuk terus relevan, berdaya saing dan berkembang maju.

Ia sekali gus menyokong pencapaian objektif Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030, Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 dan Pelan Transformasi Koperasi (TransKom) 2021-2025.

"Inisiatif Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ialah membantu memudahkan aktiviti perniagaan koperasi serta usahawan di Malaysia melalui agensi.

"Pelbagai insentif bersesuaian dengan keperluan usahawan dan koperasi termasuk di Sabah dan Sarawak telah diwujudkan di bawah Kerajaan MADANI," katanya.

Seminar kepimpinan dua hari yang berakhir hari ini, disertai 150 peserta.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Usahawan wanita semakin menonjol, tapi cabaran masih berbaki

Oleh Syed Abdull Aziz Syed Kechik - Oktober 5, 2025 @ 11:32am



Gambar fail. Salah seorang peniaga di Pasar Kedai Payang.

Malaysia kini mempunyai semakin ramai usahawan wanita bercita-cita tinggi, dengan tahap kesungguhan dan aspirasi yang mengatasi purata global. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, kami telah melihat kebangkitan jenama-jenama tempatan yang inovatif seperti Naelofar, Hairplay Salon, dan SO LEX Cosmetics, diterajui oleh wanita yang kreatif dan bijaksana yang terus menjadi inspirasi kepada wanita lain untuk membuka perniagaan sendiri.

Menurut Banci Ekonomi 2023, sebanyak 20.1 peratus daripada perniagaan di Malaysia dimiliki oleh wanita, dengan kadar pertumbuhan tahunan 2.3 peratus berbanding Banci 2015. Walaupun perkembangan ini memang menggalakkan, hakikatnya masih memaparkan jurang berterusan yang perlu diatasi oleh wanita, dengan peluang yang sesuai dengan cita-cita masing-masing.



Syed Abdull Aziz Syed Kechik, Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Al-Amin Bank Bhd.

Cabaran yang dihadapi usahawan wanita

Selain daripada jurang antara perniagaan milik lelaki dan wanita, satu kajian pada tahun 2021 oleh Kementerian Kewangan dan Pembangunan Ekonomi mendedahkan bahawa perniagaan pimpinan wanita mempunyai kebarangkalian 2.52 kali lebih rendah untuk berjaya berbanding lelaki. Di bawah ialah tiga cabaran utama yang terus dihadapi oleh usahawan wanita.

1. Kekangan Masa

Menurut The Asia Foundation, 97 peratus daripada wanita Malaysia yang bekerja sendiri (MSWE) menghadapi kekangan masa, dengan 73 peratus sukar menimbangkan masa berniaga, menjaga anak, dan melakukan kerja-kerja rumah. Norma jantina tradisional meletakkan beban perniagaan keluarga pada bahu wanita, dengan 90 peratus daripada responden berikata mereka perlu menunikkan tanggungjawab untuk menjaga keluarga. Justeru, menunikkan tuntutan keluarga sambil menyesuaikan diri dengan keperluan perniagaan yang sentiasa berubah menjadi cabaran yang sentiasa perlu ditangani kaum hawa.

2. Prasangka Jantina

Ramai wanita masih menghadapi prasangka kerana faktor budaya masyarakat, termauk dipandang rendah, diabaikan atau tidak diberikan peluang berbanding kaum lelaki. Tekanan luar ini sering menyebabkan rasa waswas, bersedih atau ragu-ragu, lebih-lebih lagi apabila terlibat dalam industri yang dikuasai lelaki atau memegang jawatan kepimpinan. Situasi ini bukan sahaja menjejaskan keyakinan tetapi juga mengekang cara mereka menyampaikan idea, berunding atau mengambil risiko terancang.

3. Capsien Dana Terhad

Ramai usahawan menghadapi kesukaran untuk merah modal, tetapi kaum wanita perlu mengatasi halangan tambahan. Sebagai contoh, mereka sering dianggap lebih takut untuk mengambil risiko, satu sifat yang dianggap oleh sesetengah pelabur sebagai kelemahan dalam perniagaan. Selain daripada persepsi, kajian mendapati bahawa 68 peratus daripada MSWE menyatakan prosedur pembiayaan rumit sebagai

halangan, manakala 60 peratus kekurangan modal dan 59 peratus rasa kurang yakin apabila berurusan dengan institusi kewangan.

Apakah cara terbaik untuk mengatasi segala cabaran ini?

1. Membina rangkaian yang kukuh

Rangkaian yang kukuh boleh membantu menzahirkan sebarang idea perniagaan. Buat permulaan, cari komuniti profesional aktif yang sedia memberikan bimbingan, sumber dan sokongan rakan sepejuangan. Platform bertumpukan wanita seperti Persatuan Rangkaian Usahawan Wanita (WENA) dan The Strivers' Hub menawarkan bimbingan, bengkel dan peluang membina rangkaian yang disesuaikan mengikut keperluan usahawan wanita. Platform lebih luas seperti MyPreneurship menghubungkan usahawan dengan program sektor awam dan swasta, manakala EO Malaysia menawarkan pembelajaran insan-kepada-insan peringkat tinggi bagi pengasas syarikat dengan hasil tahunan melebihi AS\$1 juta. Sama ada anda baru menyusun langkah atau ingin meluaskan perniagaan, penglibatan anda dalam komuniti yang sedia memberi sokongan akan membuka pintu kepada peluang dan menyediakan bimbingan yang diperlukan untuk berkembang maju dengan yakin.

2. Terus meningkatkan keupayaan diri

Apabila anda bersaing 'di atas padang yang tidak rata', perkara paling penting yang boleh anda bina ialah keupayaan diri. Asah kemahiran anda dalam bidang kepimpinan, kewangan, alat digital dan strategi perniagaan, kerana semua ini merupakan kemahiran penting yang akan meningkatkan peluang kejayaan perniagaan anda. Sambil anda melangkah maju, pastikan anda mengekalkan hala tuju untuk menharungi cabaran tanpa kehilangan arah.

Kelantangan suara perniagaan anda juga sesuatu yang tidak kurang penting. Wanita sering dinilai berasaskan penampilan terlebih dahulu, tetapi pastikan idea anda lebih menyerlah. Belajar untuk menyampaikan idea dan kisah anda dengan tujuan khusus dan penuh yakin, dan jangan remehkan wawasan dan usaha anda. Apabila anda membuat pembentangan kepada pelabur atau mengetahui pesukuan anda, sampaikan secara yakin boleh mengubah persepsi, membuka peluang dan meningkatkan rasa hormat terhadap anda.

3. Manfaatkan program dan inisiatif untuk wanita dalam perniagaan

Anda tidak keseorangan dalam perjalanan ini. Terdapat pelbagai inisiatif

bertumpukan usahawan wanita untuk menyokong pertumbuhan perniagaan anda, daripada program pembiayaan kepada meningkatkan kemahiran.

Untuk merah dana, DanaNITA daripada MARA menawarkan pembiayaan khas sehingga RM150,000 bagi wanita Bumiputera yang bercadang mengembangkan perniagaan, manakala TemanNita oleh TEKUN menyediakan sokongan pembiayaan mikro berasaskan kumpulan.

Program Women Unlimited OCBC menangani cabaran utama yang dihadapi oleh wanita dalam perniagaan. Program ini menawarkan pembiayaan sehingga RM600,000 tanpa sebarang cagaran, dengan kadar istimewa yang tertakluk kepada kelulusan, dan pilihan pembiayaan lestari menerusi alat Penilaian Tenaga PKS.

Program ini juga mendorong usahawan wanita cemerlang dan memperkasakan mereka menerusi penyelesaian perbankan terfokus dan nasihat perniagaan.

Dan segi program pembangunan, Program Digital EmpowerHER (oleh MDEC, DNB dan SME Corp) berusaha melengkapkan wanita B40 dengan kemahiran digital, bimbingan mentor dan capaian pasaran untuk berjaya dalam ekonomi digital.

TalentCorp mengendalikan beberapa inisiatif termasuk WANITA MYWIRA, Program Kembali Kerja, dan insentif fleksibiliti di tempat kerja untuk membantu wanita berkembang maju secara profesional. Sementara itu Program Growthz SME Corp menawarkan latihan perniagaan bagi perusahaan mikro dan kecil, termasuk yang dipimpin oleh wanita dan belia.

Kejayaan usahawan wanita ditentukan oleh pengalaman yang ditimba, keupayaan yang telah dibina dan ilmu yang telah dikuasai mereka. Perjalanan keusahawanan masing-masing menimbulkan cabaran yang unik, walaupun perspektif akan berubah dan keupayaan meningkat secara beransur-ansur, formula kepada kejayaan perniagaan tetap bermula dengan mengambil langkah pertama.

#Penulis ialah Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Al-Amin Bank Bhd

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Segera tangani cabaran dihadapi warga emas - Lee Lam Thye

astro **Bernama**
AWAN 05/10/2025 | 21:00 MYT



Tan Sri Lee Lam Thye berkata warga emas merupakan tulang masyarakat yang telah membentuk keluarga, institusi dan nilai murni melalui dedikasi, pengorbanan dan kebijaksanaan mereka. - Gambar fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2025 menjadi seruan kepada tindakan segera untuk melindungi martabat dan kebajikan golongan tersebut di Malaysia, meliputi aspek penjagaan kesihatan, keselamatan kewangan, jurang digital dan penderaan.

Pengerusi Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat Tan Sri Lee Lam Thye berkata warga emas merupakan tulang masyarakat yang telah membentuk keluarga, institusi dan nilai murni melalui dedikasi, pengorbanan dan kebijaksanaan mereka.

"Namun, masih ramai bergelut dengan pelbagai isu yang menuntut perhatian segera.

"Masyarakat di Malaysia dan seluruh dunia diseru menzahirkan penghargaan kepada sumbangan tidak ternilai warga emas dan mendepani cabaran dihadapi mereka dengan empati," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Lee berkata peningkatan kos perubatan dan perkhidmatan geriatrik (kajian perawatan serta penjagaan kesihatan orang tua) yang terhad menyebabkan ramai warga emas terdedah kepada risiko, sekali gus menuntut kepada penjagaan kesihatan lebih inklusif dan mampu milik bagi memenuhi keperluan itu.

Selain itu, kesunyian dan kemurungan dalam kalangan warga emas juga semakin membimbangkan, dan Lee berkata penglibatan komuniti serta sokongan kesihatan mental mesti diutamakan untuk memastikan kesejahteraan emosi golongan tersebut.

Berhubung aspek kewangan, beliau berkata pencen tidak mencukupi, inflasi dan diskriminasi usia dalam pekerjaan mengancam kestabilan pesara, membawa kepada keperluan perlindungan lebih kukuh dan dasar polisi ekonomi lebih inklusif.

Lee berkata kebimbangan terhadap jurang digital pula boleh diatasi menerusi program latihan dan akses kepada teknologi, supaya warga emas dapat terus berhubung dan menerima perkembangan bidang tersebut.

Beliau berkata warga emas juga berhak memperoleh jaminan keselamatan dan maruah mereka, dengan kempen kesedaran serta perlindungan undang-undang diperlukan bagi mencegah penderaan dan menjamin keadilan untuk golongan itu.

"Hari warga emas bukan hanya sambutan, tetapi peringatan bahawa menua perlu diterima dan bukan ditakuti. Warga emas kita berhak menerima lebih daripada sekadar penghormatan, mereka memerlukan tindakan.

"Hari Warga Emas Kebangsaan merupakan seruan kepada pembuat dasar, komuniti dan semua untuk membina masyarakat yang menerima usia tua dengan maruah, keselamatan dan kegembiraan.

"Mari kita menghargai warga emas bukan hanya dengan kata-kata, tetapi menerusi perubahan yang bermakna," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PEEING TOM SENTENCED TO SIX MONTHS JAIL

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 6 OKTOBER 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Peeping Tom sentenced to six months jail

KUALA NERUS: A worker was sentenced to six months' jail by the Magistrate's Court here after pleading guilty to trespassing into an inn and peeping on a woman entrepreneur in a bathroom, an incident that recently went viral on social media.

Magistrate Noor Mazrinie Mahmood handed down the sentence after 29-year-old Ahmad Farhan Rizal Abdullah admitted to both charges yesterday.

Ahmad Farhan was charged with peeping at a 36-year-old woman with the intent to outrage her modesty at an inn in Manir, near Kuala Nerus, Terengganu, at 12.30am on Aug 26.

The offence under Section 509 of the Penal Code carries a maximum five-year jail term, a fine or both, upon conviction.

He was also charged with criminal trespass for unlawfully entering premises used as a residence on the same date, time and location.

The charge under Section 448 carries a maximum penalty of three years' imprisonment, a fine of up to RM5,000, or both.

The court sentenced Ahmad Farhan to six months for the peeping charge and three months for trespassing, with sentences to run concurrently from the date of conviction.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pekerja inap desa dipenjara 6 bulan, 'skodeng' usahawan wanita mandi

Oleh Nazdy Harun - Oktober 5, 2025 @ 1:51 pm



Usahawan wanita berusia 36 tahun dari Ampang, Kuala Lumpur mendakwa terlihat tangan seseorang memegang telefon bimbit di tingkat bilik mandi penginapan mereka di Kampung Jeram, Manir, Kuala Terengganu sebelum menjerit memanggil suaminya. - Foto hiasan

KUALA TERENGGANU: Seorang pekerja dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, hari ini selepas mengaku bersalah atas dua pertuduhan melakukan pencerobohan dan mengintai seorang usahawan wanita mandi di sebuah penginapan di Kampung Jeram, Manir, Ogos lalu.

Tertuduh, Ahmad Farhan Rizal Abdullah, 29, mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Noor Mazrinie Mahmood.

Berdasarkan pertuduhan pertama, Ahmad Farhan didakwa dengan maksud mengaibkan kehormatan seorang wanita dengan melihat kemaluannya kira-kira jam 12.30 tengah malam, 26 Ogos lalu.

Bagi kesalahan itu, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara enam bulan bermula dari tarikh sabitan mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh turut mengaku bersalah melakukan pencerobohan jenayah dengan memasuki premis penginapan yang digunakan sebagai tempat tinggal pada masa dan tarikh yang sama.

Bagi kesalahan itu, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara tiga bulan bermula dari tarikh sabitan mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda hingga RM5,000 atau kedua-duanya sekali, manakala kedua-dua hukuman dijalankan serentak selepas hukuman dijatuhkan.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nur Anith Nabilah Rusli, manakala tertuduh diwakili peguam Yayasan Biro Guaman Kebangsaan (YBGK), Nurul Najmi Adila Md Nasir.

Terdahulu, media melaporkan hajat seorang peniaga wanita bercuti dan membuat penggambaran baju Melayu di sebuah inap desa di daerah ini tergendala apabila dia dipercayai menjadi mangsa 'skodeng' ketika berada di dalam bilik mandi.

Mangsa berusia 36 tahun dari Ampang, Kuala Lumpur mendakwa terlihat tangan seseorang memegang telefon bimbit di tingkat bilik mandi sebelum menjerit memanggil suaminya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suspek direman empat hari oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, Melaka, hari ini selepas disyaki memukul, mencekik dan mengugut bunuh isterinya yang juga cucu kepada seorang kerabat diraja. Foto oleh AMRAN ALI / KOSMO!

Cucu kerabat dakwa dicekik, dipukul suami penagih

Oleh AMRAN ALI 5 Oktober 2025, 3:01 pm

MELAKA – Seorang lelaki warga Mesir direman empat hari oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, di sini, hari ini selepas disyaki memukul, mencekik dan mengugut bunuh isterinya, yang juga cucu kerabat diraja dalam kejadian di sebuah hotel di Banda Hilir di sini, semalam.

Perintah reman terhadap suspek berusia 48 tahun itu dikeluarkan Majistret N. Sivashangari bermula hari ini hingga 8 Oktober bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Menurut sumber, kejadian berlaku kira-kira pukul 10 pagi selepas wanita berusia 57 tahun itu menemui kotak rokok di bawah bantal suaminya yang mengandungi tiub kaca dan bahan dipercayai dadah jenis ganja serta syabu sebelum mengambilnya.

“Apabila mendapati bahan itu hilang, lelaki tersebut menjadi marah dan berlaku pergaduhan antara mereka berdua.

“Ketika bertengkar, suspek dikatakan menekup muka isterinya dengan bantal dan mencekik leher mangsa yang juga ahli perniagaan hartanah di Selangor,” katanya.

Menurut sumber, suspek kemudian memaksa pengadu untuk menyerahkan semula dadah berkenaan dan menjumpai bahan terlarang itu di dalam beg tangan isterinya lalu keluar meninggalkan hotel berkenaan.

Tambah sumber, suspek telah pulang semula ke hotel kira-kira pukul 11.30 pagi dan terus membalut hirisan daun kering tersebut serta menghisapnya sambil meneguk minuman keras di hadapan wanita tersebut.

“Tidak lama selepas itu, pertengkaran berulang dan suspek menampar pipi isterinya serta memukul perut mangsa beberapa kali.

“Malah lelaki berkenaan turut mengangka wanita tersebut ke arah balkoni seolah-olah mahu menolak ke bawah sebelum mengugut akan membunuhnya,” tambah sumber itu. – KOSMO!

ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BUDAK PEREMPUAN MAUT DIHEMPAP TIANG KONKRIT PAGAR RUMAH

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 6 OKTOBER 2025

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Budak perempuan maut dihempap tiang konkrit pagar rumah

Seremban: Seorang kanak-kanak perempuan mati selepas dipercayai dihempap sebatang tiang konkrit pagar rumah di Taman Bukit Kristal, di sini, Jumaat lalu.

Dalam kejadian jam 7.15 malam itu, mangsa berusia dua tahun itu dikatakan sedang bermain dengan kakaknya sebelum tiang berkenaan rebah dan menghempasnya.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Mohamad Hatta Che Din, berkata mangsa dibawa ke Hospital Tuanku

Jaafar (HTJ) sebelum disahkan meninggal dunia jam 9.14 malam.

"Ibu mangsa segera membawanya ke HTJ, namun kanak-kanak itu disahkan meninggal dunia pada jam 9.14 malam," katanya menerusi kenyataan, kelmarin.

Mohamad Hatta berkata, hasil bedah siasat Unit Perubatan Forensik Hospital Rembau mendapati punca kematian akibat kecederaan di kepala kesan hentakan objek berat.

"Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya.



Kanak-kanak perempuan berusia dua tahun maut dihempap tiang konkrit pagar rumah di Taman Bukit Kristal, Seremban, malam Jumaat lalu. (Foto ihsan pembaca)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MALANG KETIKA BERMAIN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 OKTOBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



KANAK-KANAK perempuan berusia dua tahun maut selepas dihempap tiang konkrit pagar rumah di Taman Bukit Kristal, Seremban.

MAUT DIHEMPAP TIANG PAGAR

Malang ketika bermain

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Kanak-kanak perempuan berusia dua tahun maut dihempap tiang konkrit pagar rumah di Taman Bukit Kristal, di sini, Jumaat lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 7.15 malam itu, mangsa dikatakan sedang bermain dengan kakaknya sebelum tiang berkenaan runtuh dan menghempapnya.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Mohamad Hatta Che Din berkata, mangsa dibawa ke Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) untuk menerima rawatan sebelum disahkan meninggal dunia jam 9.14 malam.

"Mangsa dipercayai bermain bersama kakak-

nya sebelum tiang pagar yang tidak kukuh dikatakan tumbang lalu menghempap mangsa.

"Ibu mangsa segera membawanya ke HTJ, namun kanak-kanak itu disahkan meninggal dunia jam 9.14 malam," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, bedah siasat dijalankan di Unit Perubatan Forensik Hospital Rembau, semalam mendapati punca kematian adalah kecederaan di kepala akibat hentakan objek berat dan tiada kecederaan lain dikesan.

Katanya, polis menasihatkan orang ramai memastikan struktur binaan di kediaman dipasang dengan selamat bagi mengelakkan kejadian sama berulang.

"Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BAPA DITAHAN DISYAKI DERA ANAK

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 OKTOBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bapa ditahan disyaki dera anak

Kuala Lumpur: Polis menahan seorang lelaki selepas dipercayai memukul anaknya sehingga menyebabkan kanak-kanak itu melarikan diri dari rumah di Kepong, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Fadil Marsus berkata, kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun itu dilaporkan hilang Jumaat lalu sebelum ditemui orang awam di sebuah kedai di Metro Prima.

Menurutnya, satu laporan polis diterima daripada orang awam yang menemui mangsa.

"Mangsa dibawa ke Balai Polis Kepong dan dihantar ke Hospital Kuala Lumpur untuk pemeriksaan serta rawatan.

"Mangsa memberitahu dipukul oleh bapanya dan melarikan diri dari rumah," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Beliau berkata, pemeriksaan doktor mendapati mangsa mengalami lebam bawah bibir, calar pada bahagian belakang badan dan sakit di kepala.

"Pada jam 4.40 petang, bapa mangsa datang ke Balai Polis Kepong untuk membuat laporan polis mengenai kehilangan mangsa," katanya.